

## BPPDP BIL. (02) 2015 EDISI FEBRUARI



### Isu Utama Akhbar Februari 2015

## Guru Semenanjung bagi penuhi kekosongan



Datuk Seri Idris Jusoh

Kementerian Pendidikan terpaksa membawa masuk lebih ramai guru dari Semenanjung untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar di sekolah rendah dan menengah di Sarawak. Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, pada setiap tahun, hanya 601 guru yang mendapat latihan perguruan di semua Institut Latihan Perguruan (ILP) di negeri ini. Katanya, jumlah tersebut masih lagi rendah berbanding keperluan 2,432 guru di semua sekolah rendah dan menengah di Sarawak dalam setahun. Beliau berkata, masalah tersebut boleh diatasi apabila kementerian menempatkan guru dari Semenanjung ke negeri ini. Justeru, tidak timbul isu guru dari Semenanjung ramai di Sarawak kerana langkah ini terpaksa kementerian mengambil guru untuk menampung kekurangan guru selama ini. Menurut Datuk Seri Idris, seramai 549 guru atau 91 peratus daripada 601 guru yang telah dilatih di ILP Sarawak hanya ditempatkan di sekolah rendah dan menengah termasuk di kawasan luar bandar di negeri ini.

Sumber: Utusan Malaysia, 9 Februari 2015

## Koperasi sekolah patut utamakan kebajikan, keusahawanan pelajar

Sebagai sebuah entiti yang terbabit dalam bidang perniagaan dan keusahawanan, koperasi sekolah bermatlamat sebagai landasan bagi pelajar mengasah bakat dan minat dalam bidang ini selain menerapkan mata pelajaran seperti Ekonomi, Prinsip Akaun, Perdagangan dan Matematik dalam kehidupan seharian. Dalam satu kajian yang dijalankan terhadap Gerakan Koperasi Sekolah Wilayah Persekutuan mendapati 20 peratus daripada koperasi di bawah gerakan itu memerlukan kawalan dalaman yang lebih fokus kerana tidak aktif. Justeru pihak sekolah terutama Guru Besar/Pengetua harus memainkan peranan memperkasakan entiti ini di sekolah.

Sumber: Berita Harian, 6 Februari 2015

## Kuasai ilmu syarat bersaing

Datuk Seri Najib Razak berkata, rakyat perlu menguasai ilmu pengetahuan jika mahu terus bersaing dan maju dalam persekitaran dunia yang semakin mencabar pada masa hadapan. Perdana Menteri berkata, rakyat juga perlu meningkatkan usaha kerana persaingan kian hebat.


Sumber: Berita Harian, 13 Februari 2015

## Maklumat dan Pertanyaan

Perpustakaan Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,  
Aras 1 Blok E8, Kompleks Kerajaan Parcel E, Putrajaya

Email: [infomedia@gmail.com](mailto:infomedia@gmail.com) <http://www.moe.gov.my>

Tel : 03-8884 6002 Faks : 03-8884 6284



## Tiga lagi Kolej Vokasional di Pantai Timur



Datuk Mary Yap Kain Ching Enam buah kolej vokasional baharu termasuk tiga di Pantai Timur yang sedang dalam pembinaan melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM328.4 juta, dijangka beroperasi tahun hadapan. Timbalan Menteri Pendidikan 1, Datuk Mary Yap Kain Ching berkata, apabila siap, lebih ramai pelajar berpeluang mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang yang ditawarkan seiring dengan minat atau kecenderungan mereka. Beliau berkata, pembinaan kolej di Pasir Puteh, Kelantan melibatkan kos RM56.9 juta manakala di Hulu Terengganu (RM56.7 juta) dan Pekan, Pahang (RM59.4 juta). Tiga lagi di Johor iaitu di Pagoh, Pasir Gudang dan Tanjung Piai melibatkan kos keseluruhan RM155.4 juta. Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Pengarah Kolej Vokasional dan Pengetua Sekolah Menengah Teknik (SMT) Zon Terengganu, Kelantan dan Pahang di Kolej Vokasional Kuala Terengganu. Dalam majlis itu, Majlis Pengetua Kolej Vokasional dan SMT menyerahkan bantuan RM10,000 kepada Kementerian Pendidikan untuk diagihkan kepada 333 warga kerja kolej yang terjejas semasa banjir melanda baru-baru ini.

Sumber: Utusan Malaysia, 18 Februari 2015

## UK puji mutu universiti kita

UK memuji mutu pendidikan tinggi di Malaysia, yang disifatkan berkualiti sehingga memberi keyakinan kepada negara maju untuk membuka kampus cawangan universiti dan kolej ternama di situ. Menteri di Pejabat Hal Ehwal Luar dan Komanwel UK, Hugo Swire, berkata institusi pengajian tinggi Malaysia turut menawarkan pelbagai peluang pengajaran dan pembelajaran terbaik, sekali gus menarik kehadiran ramai pelajar luar melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang. Justeru beliau berkata, UK akan melanjutkan usaha sama dalam sektor pendidikan negara ini termasuk menawarkan lebih banyak peluang dan program baru termasuk latihan teknik dan vokasional (TVET).



Sumber: Berita Harian, 6 Februari 2015

## Skim insurans kemalangan guru

KPM diminta supaya mewujudkan skim perlindungan insurans kemalangan untuk semua guru di negara ini bagi melindungi warga pendidik yang menjalankan tugas tanpa mengira waktu. Setiausaha Agung NUTP, Lok Yim Pheng berkata, skim perlindungan insurans tersebut dilihat sangat perlu pada masa ini memandangkan para guru senantiasa terdedah dengan pelbagai risiko kemalangan termasuk ketika membawa pelajar menyertai aktiviti kokurikulum.

Sumber: Utusan Malaysia, 21 Februari 2015

## Kata Kunci Kejayaan

"Masa depan itu dibeli oleh masa sekarang"

Samuel Johnson



# Data Statistik

Koleksi Bahan dan Keratan Akhbar Bagi Bulan Februari 2015

## 1. PEROLEHAN

BIL	JENIS KOLEKSI	JUMLAH
1.	Koleksi Umum	0
2.	Koleksi KPM	0
3.	Koleksi Tesis	312
4.	Koleksi CD-ROM	4
5.	Artikel Akhbar	350
6.	Koleksi Jurnal	8
7.	Koleksi Risalah/ Hadiah/Sumbangan	8
<b>JUMLAH</b>		<b>682</b>

## 2. KEMASUKAN DATA

BIL	JENIS KOLEKSI	BILANGAN TAJUK BAHAN
<b>JUMLAH</b>		<b>292</b>

## 3. PENGKATALOGAN

BIL	JENIS KOLEKSI	BILANGAN DIKATALOG
<b>JUMLAH</b>		<b>263</b>

Jumlah Kumulatif sehingga 28 Februari  
2015:184,975

Dapatkan maklumat bahan rujukan dan peminjaman melalui Sistem Virtua versi 2009 Perpustakaan KPM dengan melayari laman sesawang berikut:

<http://librarykpm.moe.gov.my>



Sektor Pusat Dokumentasi, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia

## ISU-ISU UTAMA YANG DIPAPARKAN DI AKHBAR BAGI BULAN FEBRUARI 2015

1. Kurikulum Pengajaran & Pembelajaran Bagi Semua Mata Pelajaran/MBMMBI/ Sukatan Mata Pelajaran  
- 6 isu
2. Kenyataan oleh Menteri Pendidikan & Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia  
- 10 isu
3. Pengurusan Pendidikan  
- 11 isu
4. Keselamatan Murid  
- 2 isu

## JUMLAH PENGGUNA PERPUSTAKAAN BAGI BULAN FEBRUARI 2015

171 Orang

## JUMLAH PENGUNJUNG PORTAL LIBRARYKPM SEHINGGA 28 FEBRUARI 2015

15,246 Orang



**MEMBACA MENJADI BUDAYA  
DAN AMALAN KITA**

*Senyum Selalu*  
**SEDIA BANTU**





## PPPM, PT3 tingkat sistem pendidikan

Sumber: Berita Harian, 16 Februari 2015

Kementerian Pendidikan akan memberi kefahaman mendalam kepada rakyat mengenai kebaikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan sistem Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata masih ramai kurang memahami konsep PPPM yang sudah setahun setengah dilaksanakan. Kerajaan akan terus melakukan penambahbaikan untuk meningkatkan sistem pendidikan negara sehingga ke tahap terbaik untuk rakyat. Mengenai PT3, beliau berkata, sistem itu yang bermula tahun lalu memberi banyak manfaat, bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga negara secara umum kerana ia bukan berbentuk akademik semata-mata, sebaliknya turut membabitkan pentaksiran psikometrik (teori serta teknik dalam pengukuran pendidikan dan psikologi).

### Isu pendidikan Sabah, Sarawak patut diutamakan

Tahun ini Sarawak memerlukan 2,432 guru, sedangkan jumlah guru tempatan hanya 601 orang, jadi perlu bergantung kepada guru dari Semenanjung. Mereka mahu calon tempatan, mengambil kira juga aspek latar belakang etnik minoriti. Guru tempatan lebih faham akan masalah, isu dan aspirasi masyarakat mereka. Kementerian Pendidikan sedang mengkaji syarat kemasukan pelajar Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan jumlah pengambilan guru baharu dari kedua-dua negeri terbabit. Namun adalah tidak adil untuk menggunakan kayu ukur yang sama bagi calon guru dari luar bandar daripada etnik minoriti dengan memasukkan mereka dalam kumpulan besar permohonan dan melalui sesi temu duga serta pemilihan yang ketat berdasarkan merit. Tentu peluang mereka untuk terpilih adalah tipis. Sebelum ini pihak sekolah dibenarkan mengambil guru sandaran tidak terlatih untuk mengatasi masalah kelas tanpa guru. Kini Kementerian menetapkan syarat hanya guru daripada jurusan pendidikan dibenarkan memohon. Seharusnya tidak timbul kekurangan guru kerana ramai anak tempatan memohon dan berazam tinggi menjadi guru. Pandangan pemimpin dan rakyat dari kedua-dua negeri itu perlu diambil kira dalam perancangan bidang pendidikan. Kita mahu memastikan ada sekolah dari kedua-dua negeri terbabit termasuk dalam senarai 20 sekolah terbaik di negara ini.

Sumber: Berita Harian, 17 Februari 2015

## WAKTU OPERASI

Isnin- Khamis  
8.00 pagi – 4.30 petang

Jumaat  
8.00 pagi – 12.00 tengah hari  
2.45 petang – 4.30 petang  
Ditutup pada Sabtu, Ahad dan  
cuti umum

## KEAHLIAN

Keahlian adalah percuma:

- Terbuka kepada semua warga Kementerian Pendidikan Malaysia
- Institusi Pengajian Tinggi (IPTA dan IPTS)
- Agensi Kerajaan
- Penyelidik

Bagi pelajar/pensyarah universiti yang pertama kali mendaftar perlu:

- Membawa kad matrik dan surat pengesahan
- Melengkapkan borang pendaftaran
- Mendapatkan kad keahlian


Bagi agensi kerajaan lain dan penyelidik

- Membawa surat pengesahan dari ketua jabatan yang berkaitan

## Perkhidmatan Yang Disediakan

- Perkhidmatan Rujukan
- Perkhidmatan Sirkulasi
- Bilik Mesyuarat
- Peti Pemulangan Buku (24 Jam)
- Khidmat Nasihat dan Kepakaran
- Mesin Fotokopi (layan diri)
- Bilik Tayangan

**Informatif, Tepat & Mesra**



## DPM: NEW POLICY TO INCREASE TRAINEE INTAKES FROM BOTH STATES

Tan Sri Muhyiddin Yassin

There will be more teachers from Sabah and Sarawak who will teach in their home states following a move to increase trainee intakes from the two states at Teacher Training Institutes (IPG), said Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin. He said the policy would look at ways of taking in more applicants from both states into the IPG to reduce the need to post teachers from the peninsula to Sabah and Sarawak. Tan Sri Muhyiddin Yassin, who is the Education Minister, said the current policy on accepting applications was to take “the best from the best” based on criteria such as SPM results, co-curricular activities and the applicants’ interest in teaching, without looking at which state the applicants came from. The new policy guidelines will be different. The ministry will try to take in more from Sarawak even if they don't meet all the criteria. They will undergo skills improvement programmes at the IPG, so that when they graduate, they will be equally qualified or even better than the other teachers. He said this after chairing a closed-door meeting with state Barisan Nasional leaders in Kuching yesterday. The issue of the lack of teachers from Sarawak to teach in the state was brought up in the meeting. Several state leaders had recently voiced concerns over the high number of teachers from the peninsula being posted to Sarawak. Tan Sri Muhyiddin encouraged Sarawak-based applicants to apply for places in the IPG. He said that last year, there were 5,293 applicants from Sarawak, of whom 1,713 met the entry requirements. A total of 665 people were called for interviews and 398 were offered places in the education degree programme. He said the ministry need more eligible applicants from Sarawak to apply.

Source: Star, 13 February 2015

## Pro-ELT teachers : Don't call us weak



Datuk Seri Idris Jusoh

There is nothing wrong in teachers undergoing the Professional Upskilling of English Language Teachers (Pro-ELT) as it helps them refresh their skills. Pro-ELT training helps teachers learn new methods used in Britain to teach the language. Second Education Minister Datuk Seri Idris Jusoh said the feedback he received from teachers in the programme was positive. He said they have improved in their teaching abilities and their confidence in teaching English. He said this following his working visit to the Pro-ELT training centre in SMK Putrajaya Presint 16(1), where the second cohort of Pro-ELT teachers were having their last day of training. Datuk Seri Idris Jusoh said last month that English teachers would have to achieve C1 or C2 in the Cambridge Placement Test before being allowed to teach the language.

Source: Star, 13 February 2015

## 'TWO KUIH, ONE BEVERAGE' RULE FOR MINISTRY'S MEETINGS

Tan Sri Dr. Madinah Mohamad

Education Ministry officials attending in-house meetings from now on will only be served two types of *kuih* with one choice of beverage. This applies whenever they are attending morning or evening meetings or during lunch breaks. Heavy meals such as *nasi lemak*, fried rice or *mee* are no longer allowed. Ministry Secretary-General Tan Sri Dr Madinah Mohamad said the new ruling was aimed at cutting wastage and reducing spending. She said from our observation, plenty of food is wasted whenever such meetings are held.

Source: source: The Star, 18 February 2015



## KL TAMIL SCHOOLS RECORD BETTER UPSR RESULTS



YB P. Kamalanathan

Tamil schools in Kuala Lumpur have recorded better Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) results last year, Deputy Education Minister, P. Kamalanathan said. *Malaysia Nanban* reported that 45 students scored straight As last year compared to 34 in 2013. The number of students obtaining B and C grades also went up from 55% to 58%. Collectively, the schools improved by 2.21% in 2014. SJK (T) Ladang Edinburgh, SJK (T) Sentul, SJK (T) Segambut, and SJK (T) St. Joseph were identified as the best performing Tamil schools in the capital. P. Kamalanathan held discussions on Friday with Federal Territory Education Department Director Datin Nawal Salleh about an education action plan for Tamil schools and he was confident that the Tamil schools in Kuala Lumpur would continue getting assistance and resources from the department.

Source: Star, 16 February 2015

## MORE TAMIL SCHOOLS FOR SELANGOR

YB P. Kamalanathan

Three national-type Tamil primary schools will be built in Selangor to further improve the education system of the Indian community. Deputy Education Minister, P. Kamalanathan said the schools would be built in Klang, Petaling Jaya and Cheras. He said these three schools are among seven new Tamil primary schools which will be built as announced by Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak recently. He said this to reporters after handing over a RM300,000 allocation for the construction of two classrooms at SRJKT Sungai Manggis in Banting yesterday.

Source: Star, 12 February 2015